

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

3. Adakah reka bentuk hentian bas akan diselaraskan supaya kelihatan lebih sempurna dan mesra pengguna secara menyeluruh untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menyelaraskan reka bentuk hentian bas sejak tahun 2010 bagi MBPP dan 2013 bagi MPSP. Tujuan penyelarasan ini adalah bagi memastikan hentian bas di Negeri Pulau Pinang kelihatan lebih sempurna dan mesra pengguna secara menyeluruh untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Reka bentuk ini meliputi jenis *tempered glass* yang lebih mesra pengguna dari segi keselesaan dan keselamatan termasuk mengambil kira konsep *Universal Design* yang mempunyai ciri-ciri kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU). Selain itu, kedua-dua PBT juga sedang melaksanakan pemasangan lampu di setiap hentian bas secara berperingkat untuk pencahayaan bagi menjamin keselamatan pengguna bas pada waktu malam.